

# Pusat Islam USIM bakal beri manfaat setempat

**P**EMBINAAN semula projek pembangunan Pusat Islam, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang dijangka siap sepenuhnya pada April 2016 turut akan digunakan bagi manfaat seluruh masyarakat setempat.

Naib Canselor USIM, Profesor Datuk Dr. Musa Ahmad berkata, kompleks bernilai RM20 juta yang dibina berhampiran Bangunan Canselori USIM itu akan dipenuhi dengan pelbagai aktiviti Islam yang boleh disertai oleh orang ramai.

“Kompleks Pusat Islam yang dibina di atas tanah seluas 6,500 meter persegi ini dibina setinggi dua tingkat meliputi ruang solat lelaki dan wanita berkapasiti 4,000 jemaah serta pejabat pentadbiran, bilik imam, bilik VIP, bilik pengurusan jenazah, kaunter zakat dan beberapa kemudahan lain.

“Pada pertengahan Mac lalu, kerja sub-struktur telah selesai disiapkan dan kini penumpuan kerja adalah untuk menyiapkan tiang (column) dan lantai (slab) aras satu iaitu zon solat dan halaman (courtyard) masjid.

“Masjid ini juga mempunyai sebuah menara dengan struktur aras satu menara masjid ini juga telah disiapkan,” katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Terpaksa diberhentikan pembinaannya pada 2002, Kompleks Pusat Islam USIM diteruskan selepas memperoleh peruntukan daripada kerajaan pada tahun lalu.

Selain mempunyai menara, masjid ini akan mempunyai struktur binaan

kubah utama yang berwarna biru sebagai kesinambungan struktur kubah di bangunan Canselori dengan tempoh pembinaan yang memakan masa selama 22 bulan.

Dibina pada tapak asalnya dengan beberapa perubahan reka bentuk dilakukan untuk kesesuaian semasa, apabila siap kelak ia akan merencanakan aktiviti dan agenda Islam di dalam kampus dan memberi manfaat kepada masyarakat Islam sekitar khususnya Nilai.

Antaranya seperti menjadi masjid untuk solat Jumaat, kuliah agama, kelas bimbingan Fardu Ain, Kelas Pengajian al-Quran dan lain-lain lagi.

Pada masa kini, warga USIM dan penduduk berdekatan telah menunaikan solat Jumaat di dalam kampus bertempat di Surau Kolej Kediaman Satu sejak Oktober 2010 lagi setelah mendapat kebenaran Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan.

Pengisian program Ramadan oleh warga kampus seperti tadarus al-Quran, berbuka puasa dan solat sunat Tarawih akan lebih meriah pada tahun hadapan dengan siapnya sebuah masjid di dalam kampus.

Sempena meraikan keberkatan bulan Ramadan dan Nuzul Al-Quran pada 17 Ramadan, Pusat Islam USIM akan menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran dan Berbuka Puasa Perdana USIM pada 4 Julai (Sabtu) ini bertempat di Dewan Tuanku Canselor.

**LAKARAN Kompleks Pusat Islam, USIM yang dijangka siap pada 2016.**

